

Tidak ada senarai, kata Dr M

7 DEC 1985

P
KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan bahawa beliau tidak menerima sebarang 'senarai menteri baru' dari Presiden MCA, Encik Tan Koon Swan, bagi mengubah perwakilan parti itu dalam kabinet sekarang. "Encik Tan Koon Swan tidak memberitahu saya apa-apa mengenai perkara itu," katanya kepada pemberita selepas upacara Penyampalan Diploma Mak-

tab Turus Angkatan Tentera, di Bangunan Parlimen hari ini.

Semalam, Encik Tan dilaporkan telah menyerahkan senarai nama pemimpin MCA baru untuk dilantik sebagai menteri dan timbalan menteri dalam kabinet sewaktu beliau menemui Perdana Menteri Jumaat lalu.

Mengenal kedudukan Menteri Buruh, Datuk Mak Hon Kam dalam kabinet, Perdana Menteri berkata: "Belum ada sebarang

keputusan mengenai perkara itu."

Datuk Mak tidak memegang sebarang jawatan dalam MCA setelah beliau menarik diri daripada bertanding dalam pemilihan MCA pada 24 November lalu.

Ditanya sama ada beliau sudah membuat keputusan untuk menyusun semula kabinet berikutan perubahan pucuk pimpinan MCA, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Ia bergantung kepada keadaan."